

UMSKAL bakal milik sekolah Minyak dan Gas

OLEH JAINUDIN DJIMIN
[\(jainudin@newsabah-times.com.my\)](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my)

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bakal memiliki sebuah sekolah teknikal Minyak dan Gas tidak lama lagi.

Sekolah yang pertama itu akan memenuhi keperluan tenaga mahir dalam bidang berkenaan yang akan didirikan di tapak tanah seluas 28 hektar berdekatan kampus itu di Tanjung Kiamsam kira-kira 13 km dari pusat bandar.

dar.

Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Labuan, Rozman Datuk Isli (gambar) berkata, UMSKAL sebelum ini telah membuat permohonan peruntukan sebanyak RM70 juta kepada kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembinaan.

"Pembinaan sekolah itu memang tepat pada masanya selaras dengan matlamat kerajaan yang menjadikan Labuan sebagai Hub Minyak dan Gas yang baru dirantau ini," katanya kepada media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, penubuhan program tersebut



juga bersesuaian dengan kewujudan syarikat minyak dan gas seperti PETRONAS, Asian Supply Gas (ASB) serta syarikat luar pesisir yang berkaitan.

Selain itu katanya, pelajar yang mengambil jurusan itu akan lebih mudah menjalani latihan praktikal sekaligus menjimatkan kos kerajaan yang sebelum ini terpaksa menghantar mereka menjalani latihan di luar negara.